

BULETIN PSPe

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran | Universiti Malaysia Pahang

VOL 1, Jan - Mac 2021



Muka surat 2

AMAZING 2021

INISIATIF PSP

BARU

EDISI
JAN- MAC 2021

Muka surat 4

REFLEKSI 2020

f @ v t
UMPMalaysia

**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

5 STARS
QS RATED FOR EXCELLENCE
2018

751-800
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2021

#133 ASIA
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2021



Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin edisi pertama Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) dapat diterbitkan. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan **SELAMAT TAHUN BAHARU 2021** kepada semua warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan para pembaca sekalian. Sepertimana kita semua sedia maklum, tahun 2020 adalah tahun yang mencabar bagi kita semua dimana pandemik COVID-19 sedikit sebanyak mengubah pola kehidupan seharian kita. Dunia pendidikan juga menerima tempias perubahan ini dimana pendekatan serta penyampaian bagi sistem pembelajaran negara juga berubah. Oleh yang demikian, kami di PSPe telah merancang pelbagai aktiviti yang berteraskan dalam talian bagi tahun 2021 seiring dengan keperluan negara pada masa kini.

'**Amazing 2021**' adalah tema yang dibawa oleh PSPe bagi memastikan semua inisiatif e-pembelajaran yang telah dirancang akan dapat dicapai dengan jayanya. Diantara inisiatif yang akan diperhebatkan, pertama adalah pembelajaran teradun yang bermakna dan lebih lancar melalui server KALAM yang baharu dan pelantar pentaksiran berasingan. Inisiatif kedua melibatkan pembangunan kursus-kursus modular yang akan ditawarkan dalam bentuk dalam talian atau juga dikenali sebagai 'Micro-credential'. Beberapa jenis Micro-credential yang baharu akan dimulakan selain dari Modular Course TVET Online (MCTO) sedia ada iaitu 'Micro-credential Industry (MCI)' dan 'Micro-credential Global Classroom (MCGC)'. MCI menyasarkan kursus dalam talian yang diperlukan oleh pihak industri dan berpacuan industri bagi tujuan peningkatan kemahiran dan pengiktirafan. Dengan kekuatan UMP sedia ada dari aspek jaringan industri yang kuat, MCI ini akan dapat diupayakan dengan membangunkan kursus dalam talian secara usaha sama. Kursus-kursus modular dalam talian ini akan ditawarkan pada pelantar UPMOOC yang sedang rancak dibangunkan oleh pihak UMP Advance (UMPA) bagi memudahkan urusan penawaran kursus MOOCs UMP dan kursus-kursus lain secara dalam talian. Penawaran kursus secara dalam talian ini bukan sahaja disasarkan kepada pelajar UMP dan masyarakat luar tempatan, tetapi ianya juga akan dapat di akses oleh peserta antarabangsa, lantas meletakkan UMP di peta dunia dalam penawaran kursus dalam talian yang berkualiti.

PSPe juga pada tahun ini akan memantapkan inisiatif ketiga iaitu "Global Classroom (GC)" yang telah dimulakan sejak tahun 2018. Bagi menaiktaraf inisiatif ini dari tahap 'Basic' kepada 'Standard', inisiatif GC ini akan di buka untuk dilaksanakan secara dalam talian yang berstruktur melalui Micro-Credential Global Classroom (MCGC). Jalanan kerjasama yang telah terbentuk diantara UMP dan rakan kolaborasi luar negara akan dapat di perkuat lagi dengan pembangunan MCGC. Buat Masa ini MCGC sedang dibangunkan oleh UMP bersama BINUS Universiti, Indonesia.

Pihak PSPe sedar akan semua inisiatif ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dari pihak pusat. Oleh yang demikian diperingkat pusat, pihak PSPe komited menyediakan perkhidmatan sokongan bagi pembangunan bahan digital melalui kemudahan iStudio dan ruang PdP bagi aktiviti Global Classroom yang telah dinaiktaraf. Kami amat mengalu-alukan semua staff UMP untuk memanfaatkan kemudahan yang tersedia ini dan menerapkan konsep 'Learning Space' yang akan perkenalkan di Studio-Learning Space Gambang.

Akhir kata, kami di PSPe bersedia dan mengalu-alukan kerjasama akrab diantara kita agar kita dapat merealisasikan PdP dalam talian yang berkualiti dan bermakna sekaligus dapat menjalankan kehidupan dalam norma baharu.

Terima kasih.

PROF. MADYA. Ts DR AISHAH BINTI ABU BAKAR

Pengarah

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe)



2021

HAPPY NEW YEAR

Centre of Instructional Resources & e-Learning (CIReL),
Universiti Malaysia Pahang (UMP), would like to thank all our partners
and collaborators for the great and amazing cooperation throughout
this year and keep continuing for this coming
year 2021



Centre of Instructional Resources & e-Learning (CIReL)
Universiti Malaysia Pahang

cirel.ump.edu.my

INISIATIF 2021

INISIATIF 1

**Pembelajaran
Teradun Gantian**

INISIATIF 2

**Micro-credentials
& MCTO**

INISIATIF 3

Global Classroom

INISIATIF 4

**Learning Space
and Mini Studio**

INISIATIF 5

**Pendigitalan
Kampus**



PSPe info

Perkongsian :

Dr. Muhammad Azrin Bin Ahmad

Pensyarah Kanan, Pusat Sains Matematik, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

KALAM UMP : How to name a file for blended learning purpose

KALAM UMP - How to name a file for blended learning purpose

KALAM – UMP Blended Learning

4 Main e-learning features

- 1 Course information**
Assessment activities conducted via KALAM platform – online quizzes, assignment submission etc.
- 7 Learning Material**
Students may accessed or download the learning material for each particular topic before, during the class or after.... Presentation slide, past year question, exerciseetc.
- 3 Learning activities**
online learning – forum, chatting, Web 2.0 app (Padlet, Blendspace etc)
- 2 Online assessment**
Assessment activities conducted via KALAM platform – online quizzes, assignment submission etc.

Sign In

azrin

Password



Remember username [Forgot Password?](#)

Log in

Log in using your account on:



Tinta

You are not logged in




Moodle Tips : Mengubah suai Profil KALAM Anda

1. Di sudut kanan atas klik pada Nama, Profil Anda.
2. Pergi ke blok butiran Pengguna. Klik pada Edit Profil.



3. Klik **butang Tambah**. Anda boleh memuat naik fail atau anda boleh seret dan lepaskan foto dari komputer anda.



Refleksi 2020



BENKEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN KUALITI e-KANDUNGAN

18-19 November 2020

Bengkel Pembangunan Garis Panduan Kualiti Kandungan dan e-Pembelajaran (GPKKeP) siri 1 telah berjaya diadakan pada 18-19 Nov 2020 di The Zenith Hotel, Kuantan. Ahli akademik daripada beberapa fakulti/pusat telah dilantik untuk pembaguan dokumen garis panduan ini. Garis panduan yang telah dihasilkan, sedang diuji lari dan akan digunapakai oleh pembagun MCTO bagi fasa pertama.

SESI PERKONGSIAN KLUSTER MCTO

02 Disember 2020

Inisiatif penganjuran sesi ini adalah bagi menyediakan satu platform perkongsian kemajuan pembangunan Modular Course TVET Online (MCTO) oleh para pensyarah UMP yang terlibat. Sesi ini sekaligus memberikan ruang bagi percambahan idea selain dari ianya dapat mewujudkan satu jaringan yang mantap dalam kalangan pembangun kursus.



MINDS 2020 : TAKLIMAT KALAM & PdP-DT

15 September 2020

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) telah bersama-sama menjayakan sesi bersama pelajar baharu bagi semester 1 2020/2021 dengan memberikan pendedahan berkenaan kaedah penggunaan sistem KALAM bagi urusan pembelajaran di UMP dan persediaan bagi menghadapi pembelajaran secara dalam talian.

ASEM: MOOC's STAKEHOLDER FORUM 2020

17 Disember 2020

ASEM: MOOC's Stakeholder Forum 2020 telah diadakan pada 17 Disember 2020 dengan tema *Envisioning future MOOC: The Pride, The Promise, The New Norm of Reality, and the future*. Terdapat lima (5) slot ucapan dari 5 negara anggota iaitu Thailand, Malaysia, Korea Selatan, Jepun, dan Filipina. Profesor Madya Ts. Dr. Aishah Abu Bakar, Pengarah PSPe, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mewakili Malaysia didalam forum ini.



43 LATIHAN DALAM TALIAN ANJURAN PSPe

Selari dengan perubahan aktiviti penyampaian pembelajaran di era pandemik hari ini, Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftaran telah menganjurkan beberapa siri webinar (latihan secara atas talian) kepada semua staf akademik dan tenaga pengajar bermula Mac 2020 sehingga Disember 2020. Sebanyak 43 latihan dalam talian telah berjaya dijalankan dengan jemputan pakar-pakar akademik mengikut skop latihan yang telah ditetapkan. Bahan-bahan latihan yang telah dijalankan ini boleh dimuat turun dari portal rasmi PSPe di www.cirel.ump.my




6 Garis Panduan PdP-DT



Usaha dalam menyokong pensyarah/tenaga pengajar dan pelajar didalam mendepani pengajaran dan pembelajaran dalam talian Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) telah mengeluarkan 6 garis panduan PdP-DT. Garis panduan ini boleh dimuat turun dari portal rasmi PSPe di www.cirel.ump.my

Massive Open Online Courses (MOOC)



KUMULATIF ENROLMEN PELAJAR & PENAWARAN KURSUS

20,204 Enrolmen Pelajar


78 Kursus

24 KURSUS : MOOC

54 KURSUS : *Micro-credential*
(termasuk kursus *First Year Seminar*)

Massive Open Online Course (MOOC) adalah diantara inisiatif PPM(PT) 2015-2025 dibawah lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global. Semua IPTA/IPTS di Malaysia telah membangunkan serta menawarkan kursus MOOC ini yang mana ianya terbuka kepada para pelajar dalam dan luar negara. Di UMP, sebanyak 24 kursus MOOC dan 54 kursus *Micro-credential* MOOC telah ditawarkan.

Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*)



Tahniah UMP!

Sasaran tahunan UMP
(sehingga 2020)
75%

Sasaran Nasional (sehingga
2020) (DePAN 2.0)
50%

Sasaran Nasional (menjelang
2025) (DePAN 2.0)
70%

Carta1: Pencapaian *Blended Learning*(BL) mengikut semester



100%

Centre for Mathematical Sciences
Faculty of Computing
Faculty of Civil Engineering Technology
Faculty of Industrial Sciences and Technology
Faculty of Electrical and Electronic Engineering Technology

ACHIEVEMENT IN BLENDED LEARNING INITIATIVE
SEMESTER I 2020/2021


TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT
5 STARS
751-800
#133 ASIA

Pencapaian Keseluruhan *Blended Learning* (BL) UMP



Blended Learning (BL) Fakulti/Pusat bagi semester I 2020/2021 telah melebihi sasaran Nasional 50%.

Global Classroom



Tahniah , UMP!

3,134 Kumulatif pelajar tempatan

590 Kumulatif pelajar antarabangsa

SASARAN 2021 4 BASIC 3 STANDARD


Level	Learning Engagement	Assessment
BASIC	10%	-
STANDARD	30%	10%
ADVANCED	100%	30%

Carta 2: Kumulatif penglibatan pelajar dibawah inisiatif Global Classroom

Modular Course TVET Online (MCTO)

24 Kursus Micro-credential

MODULAR COURSE TVET ONLINE (MCTO)



50% Practical
+ Remote Learning
= MCTO



MCTO KIT



MCTO CITREX 2021

Modular Course TVET Online (MCTO) merupakan jenama Micro-credential UMP yang berteraskan TVET. Sebagai sebuah institusi bertaraf 5 bintang dan peneraju TVET aras tinggi, Penawaran Micro-credential UMP melibatkan komponen praktikal yang dibekalkan kepada pelajar didalam bentuk 'practical kit'. Walaupun pembelajaran teori dibuat secara dalam talian, komponen praktikal mengikut keperluan TVET masih dapat diupayakan melalui kit praktikal yang selamat bagi pelajar untuk dijalankan di lokasi masing-masing.

Berikut adalah senarai *Modular Course TVET Online (MCTO)* yang sedang dibangunkan oleh pembangun MCTO UMP. Selain itu pihak PSPe juga menyediakan khidmat teknikal kepada pembangun MCTO bagi memastikan produk yang dihasilkan berkualiti tinggi.

BIL	KURSUS	SME
1	Fundamental Of Digital Media Design	Dr. Rahmah Mokhtar
2	Problem Solving	Ts Dr Awanis Ramli
3	System Analysis & Design	Profesor Madya Ts. Dr. Mazlina Abdul Majid
4	Geotechnical Engineering	Nurmuna Muhammad @ Alan
5	Infrastructural Planning (Studio 4)	Ir. Ts. Dr. Nurhidayah Azmy
6	Engineering Laboratory III (Geotechnical & Highway)	Dr. Youvenharan A/I Duraisamy
7	Geology And Geomechanics	Prof. Madya Ts Dr. Aishah Abu Bakar
8	Operations Research	Dr. Ahmad Afif Ahmarofi
9	Principles Of Marketing	Puan Norazidah Shamsudin
10	Research Methodology	Dr. Gusman Nawarir
11	Numerical Methods & Optimization	Prof. Madya Ir. Dr. Norazwina Zainol
12	Circuit Analysis II	Dr. Dwi Pebrianti
13	Hydraulics Separation Technique	Dr. Nadiatul Adilah Ahmad Abdul Ghani
14	Communication System Design (Year 3)	Ts. Dr. Roshaliza M Ramli
15	Separation Technique	Pn Nurul Nadiyah Hamidon
16	Electricity, Magnetism & Optics	Ts. Dr. Muhammad Hafiz Mazwir
17	Physical Chemistry	Pn. Siti Maznah Kabeb
18	Colloid & Surface Science	Dr. Rodziah Nazlan
19	Polymers	Ts. Dr. Ros Azlinawati Ramli
20	Industrial Microbiology	Dr. Lee Chin Mei
21	Advance Instrumentation	Dr. Aini Norhidayah Mohamed
22	Dynamics	Dr. Mohd Hasnun Arif Hassan
23	Statics	En. Zulkipli Ahmad@manap
24	Formation & Reservoir Technology	Dr. Norasyikin Ismail
25	Object Oriented Programming	Dr. Junaida Sulaiman

iStudio Recording
facility for digital content development

Centre of Instructional Resources & e-Learning (CiReL) is offering a recording facility to all lecturers at our iStudio Pekan. Feel free to create and record your video(s) for teaching and learning purposes.

1 Green Screen Setup
2 Overhead Video Setup
3 Camera & iPad Stylus

We provide 3 kinds of setup to help you make a better video!

- Green Screen Setup for Video Recording
- Overhead Video Shoot with paper
- Camera and iPad Stylus
*You are encourage to bring your own iPad

How to book a session?
Please scan the QR code to book your session(s)

Starting from
9 November 2020
Time
09:00am - 01:00 pm
02:00pm - 04:00 pm

For more details on the types of videos that you may produced from those setup, please visit our website on booking session.
citel.ump.edu.my

Perkhidmatan & Kemudahan PSPe

iStudio Recording
Facilities for digital content development

Centre of Instructional Resources & e-Learning (CiReL) is offering a recording facility to all lecturers at our iStudio Pekan. Feel free to create and record your video(s) for teaching and learning purposes.

CONTACT US: 09-424 5479
iStudio CiReL UMP Pekan

Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe) menawarkan kemudahan fasiliti studio yang lengkap serta tenaga mahir dalam menghasilkan bahan e-kandungan bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berkualiti sekaligus mencapai kualiti yang disasarkan. Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi wakil PSPe pada talian **09 424 5479**.

Pencapaian PSPe 2020

Tahniah warga PSPe untuk kejayaan ini, Semoga kejayaan ini membuka lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

ITReX 2020 MOST COMMERCIAL IT INNOVATION AWARD

GLOBAL CLASSROOM : BEYOND BOUNDARY ENGAGEMENT

Best AWARD
BEST AWARD

1
GOLD

Sidang Redaksi

PENAUNG

Professor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff

PENGERUSI

Prof. Madya Ts Dr. Aishah Abu Bakar

SETIAUSAHA

Encik Mohd Shahri Mohd Akhir

AHLI-AHLI

Prof. Madya Ts. Dr. Awanis Romli
Dr. Muhammad Azrin Ahmad
Cik Nazifas Mohd Hussein
Cik Rosyafieka Rosli
Cik Nurliyana Najwa Jamaludin

REKA BENTUK GRAFIK

Cik Yuzawani Yusoff

WEBMASTER

Cik Nursurainie Mohamed Shateri

JURUFOTO

Encik Mohammad Iqbal Ramly

EDITOR

Pusat Sumber Pengajaran dan e- Pembelajaran (PSPe)
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan, Pahang

Tel : 09 - 4245484

Fax : 09 - 4245477

e-Mail : cirel_admin@ump.edu.my